

## **Projek Tren Monorel siap dua tahun lagi**

---

RAWANG: Lebih 70,000 warga kota bakal menerima manfaat apabila projek membaik pulih dan membina 12 set tren monorel untuk laluan KL Sentral ke Titiwangsa dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun lagi.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, kerajaan komited meneruskan projek usahasama antara Prasarana Malaysia Berhad dan Scomi Transit Projects Sdn Bhd (STP) yang tergendala sebelum ini demi menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada warga kota yang memilih menggunakan pengangkutan awam itu.

“Sebelum ini, lima daripada 12 set tren berkenaan yang sudah siap digantung perkhidmatannya selama enam bulan antara Mei hingga November 2017 sebelum dihentikan operasinya hingga kini kerana masalah teknikal.

“Jadi, projek ini akan diteruskan selepas diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Januari lalu.

“Untuk menyelesaikan isu ini pihak STP perlu membaiki lima set tren berkenaan dan jika mereka berjaya selesaikan isu ini dalam tiga hingga enam bulan, kita akan teruskan projek pembelian tujuh set tren baru dengan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian penyelesaian bagi memperoleh tujuh set tren baru dan baik pulih lima set tren untuk Rapid KL laluan Monorel di Scomi Engineering, Technology & Innovation Centre di sini, semalam.

Loke berkata, kos bagi membaik pulih dan membina 12 tren itu menelan belanja RM303 juta dan jangkaan projek itu disiapkan dalam tempoh 30 bulan.

“Walaupun kita mahu perkhidmatan ini dikembalikan secepat mungkin, tetapi apa yang penting aspek keselamatan menjadi keutamaan,” katanya.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S : 44 | 5 APRIL 2019**